



## PING PONG

### 1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF).

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

### 3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Antara Pasukan Universiti-Universiti Awam Malaysia

### 4. PENDAFTARAN PERMAINAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 4.1 Lelaki – Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 8 orang pemain.
- 4.2 Wanita – Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 6 orang pemain sahaja.
- 4.3 Pendaftaran hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan.
- 4.4 Senarai nama pemain mengikut susunan hendaklah diserahkan kepada Pengadil Kehormat pertandingan 10 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 4.5 Hanya pemain yang namanya didaftarkan dalam borang penyertaan sahaja akan bermain dalam pertandingan ini.
- 4.6 Susunan perlawanan sesuatu pertandingan adalah seperti berikut :

LELAKI	WANITA
1. Perseorangan Pertama 2. Perseorangan Kedua 3. Bergu Pertama 4. Perseorangan Ketiga 5. Perseorangan Keempat	1. Perseorangan Pertama 2. Bergu Pertama 3. Perseorangan Kedua

- 4.7 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja bagi satu perlawanan yang dimainkan.
- 4.8 Tidak dibenarkan pertukaran pemain selepas perlawanan dimulakan.

## **5. SISTEM PERTANDINGAN**

5.1 Sila rujuk Peraturan Am (9.0) MASUM

5.2 Setiap perlawanan akan diputuskan dengan tiga (3) Kemenangan daripada lima (5) permainan.

## **6. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN**

6.1 Cara memberi mata :

Menang	:	2 mata
Kalah	:	0 mata

6.2 Jika dua (2) pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pasukan yang mengalahkan lawannya dikira menang.

6.3 Jika tiga (3) pasukan atau lebih mendapat jumlah mata yang sama, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :

6.3.1 Pasukan yang memenangi perlawanan terbanyak dikira menang.

6.3.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan permainan (set) terbanyak dikira menang.

6.3.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan permainan terbanyak dikira menang.

6.3.4 Jika masih seri juga, pasukan yang mendapat jumlah mata permainan yang terbanyak dikira menang.

6.3.5 Jika masih seri juga, pasukan yang telah mengalahkan lawannya dikira menang.

## **7. PAKAIAN**

Warna pakaian bermain MESTILAH berbeza dengan warna bola dan mendapat kelulusan pengadil.

## **8. KELEWATAN**

Hanya 15 minit sahaja akan diberi kepada seseorang pemain yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan mata 11-0, 11-0, 11-0.

## **9. BANTAHAN**

Sila rujuk Peraturan Am (13.0) MASUM

**10. RAYUAN/BANTAHAN**

Sila rujuk Peraturan Am (15.0) MASUM

**11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM